

SUWARA

SUARA WARGA AGC



PERSIDANGAN TRI AGC: THE 8TH EVENT OF THE ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS OF BRUNEI DARUSSALAM, MALAYSIA & SINGAPORE 2017



Jabatan Peguam Negara (AGC) telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa *the 8th Event of the Attorney General's Chambers of Brunei Darussalam, Malaysia and Singapore 2017* di Hotel Le Meridien Putrajaya pada 28 hingga 30 November 2017.

Persidangan tersebut telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said. Persidangan ini turut disertai oleh Peguam Negara Brunei Darussalam YBhg Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka (POKSDSP) Haji Mohd Salleh, Peguam Negara Singapura TYT Lucien Wong serta Ketua Pengarah *Union Attorney General Office* Myanmar, Dr. Thida Oo. Seramai 190 orang peserta dari Malaysia, Brunei, Singapura dan Myanmar telah menyertai persidangan ini.

Persidangan Tri AGC kali kelapan ini telah memberi fokus kepada 3 topik perundangan utama iaitu berkaitan Perdagangan Antarabangsa, Media Sosial dan Perngubalan Undang-Undang.

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Peguam Negara dalam ucapan beliau telah menegaskan bahawa penganjuran persidangan seumpama ini mampu menjadi wadah terbaik dalam mencari jalan penyelesaian yang efektif dan kohesif agar pegawai undang-undang lebih bersifat menyeluruh terutamanya dalam menghadapi isu semasa rentas sempadan.

AGC
SINGAPORE

ATTORNEY-
GENERAL'S
CHAMBERS



MALAYSIA & QATAR MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN



YBhg. Tan Sri Peguam Negara Malaysia Bersama Menteri Luar Qatar menandatangani MOU Kerjasama Dalam Aktiviti Perundangan

Pada 16 Oktober 2017, telah berlangsung majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) di Seri Perdana Putrajaya diantara Negara Malaysia dan Qatar dalam mengeratkan hubungan dua hala antara kedua-dua Negara.

Empat MOU telah ditandatangani meliputi kerjasama dalam Bidang Latihan Diplomat dan Bidang Pendidikan Tinggi. Kedua-dua MOU tersebut telah ditandatangani bersama oleh Menteri Luar Malaysia dan Menteri Luar Qatar. Manakala, MOU kerjasama Aktiviti Perundangan telah ditandatangani bersama oleh Peguam Negara Malaysia dan Menteri Luar Qatar.

MOU berkaitan kerjasama dalam bidang kehakiman telah ditandatangani bersama oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan Ketua Majlis Kehakiman Tertinggi Qatar.

Majlis menandatangani MOU tersebut turut telah disaksikan bersama oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan Sheikh Tamim Hamad Al-Thani, Emir Qatar.

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN TABUNG MANGSA KEBAKARAN PUSAT TAHFIZ DARUL QURAN ITTIFAQIYAH

Pada tahun 2017, Negara telah dikejutkan dengan tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah Datuk Keramat, Kuala Lumpur yang telah mengorbankan 23 nyawa terdiri daripada 21 kanak-kanak dan 2 orang guru pada 14 September 2017.

Bagi menzahirkan rasa simpati dan keperihatinan warga Jabatan kepada ahli-ahli keluarga mangsa, Kelab Kebajikan dan Rekreasi AGC telah mengambil inisiatif untuk melancarkan Tabung Mangsa Kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di pejabat-pejabat Jabatan Peguam Negara di seluruh Malaysia.

Lanjutan daripada itu, satu Majlis Penyerahan Sumbangan Tabung Kepada Waris Mangsa telah diadakan di Dewan Tan Sri Abdul Kadir Yusof, pada 31 Oktober 2017. Sumbangan telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Peguam Negara kepada wakil waris dan keluarga semua mangsa yang terlibat.

Dalam ucapan beliau, YBhg Tan Sri Dato' Sri Peguam Negara menegaskan bahawa beliau akan memastikan bahawa sebarang tindakan undang-undang yang bakal diambil berkaitan kes ini akan dilaksanakan dengan sebaiknya mengikut lunas undang-undang demi memberi keadilan kepada semua pihak.

Seluruh warga Jabatan Peguam Negara mengucapkan Salam Takziah kepada ahli keluarga mangsa yang terlibat dan semoga roh mereka yang terkorban dicucuri rahmat.



PERHIMPUNAN SUKU TAHUNAN AGC BIL. 4/2017

Pada 8 Disember 2017, telah diadakan Perhimpunan Suku Tahunan AGC bersekali dengan Hari Integriti Tahun 2017 dan Pelancaran Pelan Strategik ICT (ISP) AGC 2017 – 2020.

Perhimpunan Suku Tahunan Bil 4/2017 pada kali ini telah dianjurkan oleh Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara. Dalam perhimpunan tersebut turut dilancarkan Pelan Strategik ICT (ISP) AGC 2017 – 2020. Pelan Strategik ini merupakan *blueprint* ICT yang dirancang untuk memperkasa perkhidmatan digital di AGC secara lebih terancang dan menyeluruh. Jabatan Peguam Negara juga merupakan agensi pertama yang menggunakan metodologi Panduan Perancangan Strategik ICT (PerSI) dalam membangunkan Pelan tersebut dan pelancarannya telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apan-di Ali, Peguam Negara Malaysia.

Sejurus selepas perhimpunan tersebut, kakitangan Jabatan Peguam Negara telah bersama-sama turut serta memeriahkan Hari Inovasi peringkat AGC. Tema pada tahun ini adalah "Kreativiti Menjana Inovasi". Sambutan Hari Inovasi AGC pada

tahun 2017 ini telah dimulakan dengan beberapa program seperti; penganjuran *Post Your Innovative Ideas* dan Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu. Idea inovasi dan hasil Bengkel KIK Horizon Baharu ini telah dipamerkan di ruang pameran inovasi untuk dikongsi bersama oleh seluruh warga AGC.

Turut diadakan di ruang pameran tersebut adalah pameran integriti yang dianjurkan oleh Unit Integriti dengan kerjasama Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) bersempena dengan Hari Integriti AGC 2017.

YBhg Tan Sri Peguam Negara dalam ucapannya juga menyatakan bahawa "Pencapaian cemerlang KPI tahun 2016 Peguam Negara pada peratusan 98.80% dan markah prestasi 94.76% Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti (AI) bagi tahun 2016 dengan pencapaian 5 bintang adalah antara bukti kesinambungan kecemerlangan Jabatan Peguam Negara".



PERISTIWA

KURSUS KEPIMPINAN & PENGURUSAN AGC SIRI 5 TAHUN 2017

ILKAP

(11-14 September 2017)



KURSUS “COURSE ON STATUTORY INTERPRETATION”

Bilik Latihan 3, Bangunan Galeria

(12-13 September 2017)



PERISTIWA

KURSUS “MARITIME BOUNDARY DELIMITATION”

Dewan Tan Sri Abdul Kadir Yusof
(13 September 2017)



MESYUARAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN & PERUNDANGAN (SPKP)

Bilik Persidangan Aras 11, AGC
(15 September 2017)



PERISTIWA

SEMINAR SOLAT DARI PERSPEKTIF SAINS

Dewan Tan Sri Abdul Kadir Yusof

(20 September 2017)



BENGKEL PENGEMASKINIAN AKTA & PENCARIAN MAKLUMAT UNDANG-UNDANG

Dewan Tan Sri Abdul Kadir Yusof


(26 - 28 September 2017)



PERISTIWA

BENGKEL KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU

Bangunan ITITC, ILKAP
(2 November 2017)



AGC *EXECUTIVE TALK SERIES* (AETS) 2017: PEMBANGUNAN SAHSIAH MODAL INSAN CEMERLANG

Dewan Tan Sri Abdul Kadir Yusof
(10 November 2017)



PERISTIWA

MESYUARAT KOMUNITI SYARIAH

Dewan Tan Sri Abdul Kadir Yusof

(14 November 2017)



KUNJUNGAN HORMAT



**YBhg. Dato' Seri Hj Mustafar Hj Ali,
Ketua Pengarah Imigresen
Malaysia**

25 September 2017



**TYT Dr. Christophe Bernasconi,
Ketua Setiausaha Hague Conference on
Private International Law (HCCH)**

27 Oktober 2017



**TYT Mr. Rimsky Yuen,
Setiausaha kepada *Justice Hong Kong*
*Special Administrative Region***

8 November 2017



**TYT Mr. Tudorel Toader,
Menteri Keadilan Romania**

15 Disember 2017

LAWATAN



Persatuan Pelajar Undang-Undang Asia, Universiti Malaya (ALSA UM)

28 September 2017



Universitas Islam Indonesia, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta Indonesia & Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

29 September 2017

LAWATAN



Lawatan Persatuan Mahasiswa Fakulti Undang-Undang & Hubungan Antarabangsa (FLAIRSOC) Universiti Sultan Zainal Abidin UniSZA
24 Oktober 2017



Lawatan Daripada Bricksfield Asia College
20 Disember 2017

TAHNIAH



**YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Hj. Mohamed Apandi bin Ali,
Peguam Negara,**

Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang [Dr. Un. (Keh.)] dari Universiti Sultan Zainal Abidin UniSZA

Sempena Majlis Konvokesyen UniSZA kali ke-9 pada 21 Oktober 2017



**YBhg. Dato' Mohd Radzi bin Harun,
Pengerusi Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan,
Kementerian Kewangan Malaysia,**

**Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (D.S.A.P.)
yang membawa gelaran Dato'**

Sempena memuliakan Ulang Tahun
Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Sultan Pahang pada 24 Oktober 2017

TAHNIAH



**YBhg. Dato' Chan Seong Gnoh,
Majlis Pakar Pelbagai Disiplin (Penyelidikan),
Pejabat Peguam Negara,**

**Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.)
yang membawa gelaran Dato'**

Sempena memuliakan Ulang Tahun
Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Sultan Pahang pada 24 Oktober 2017



**YBhg. Dato' Ishak bin Mohd Yusoff,
Pengerusi Lembaga Penasihat,
Jabatan Perdana Menteri**

**Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) yang
membawa gelaran Dato'**

Sempena memuliakan Ulang Tahun
Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Sultan Pahang pada 26 September 2017



**YBhg. Datuk Nazran bin Mohd Sham,
Penguam Kanan Persekutuan,
Jabatan Peguam Negara Cawangan WPKL**

**Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M.) yang
membawa gelaran Datuk**

Sempena memuliakan Ulang Tahun
Hari Keputeraan Ke-79 Tuan Yang Terutama
Gabenor Negeri Melaka pada 14 Oktober 2017